

ARKIB : 30/11/2010



## Rafidah nafi hubungan dengan Dr. Mahathir terjejas

30/11/2010 6:53pm

KUALA LUMPUR 30 Nov. - Bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Rafidah Aziz menegaskan bahawa hubungan erat antara beliau dengan bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak pernah terjejas di sebalik percanggahan pendapat mereka berhubung isu Permit Import (AP) lima tahun lepas.

Rafidah sebaliknya menafikan laporan media yang mengatakan beliau dan Dr. Mahathir sudah tidak sehaluan lagi dan beliau masih menghormati tokoh negara itu serta masih menghubunginya seperti biasa untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan.

"Seperti anda boleh lihat, memang (kemesraan) tak pernah luntur atau terjejas. Cuma kita bukan dalam kabinet dah...tak ada la mesyuarat hari hari.

"Saya dengan Tun masih seperti biasa, saya masih menghubungi beliau, masih ke pejabat beliau, dan masih berjumpa dengan beliau dalam majlis-majlis sebegini," katanya kepada Bernama selepas mengendalikan Forum Malaysia-Eropah (MEF) Kuala Lumpur ketiga di sini hari ini.

Dalam forum berkenaan, Dr. Mahathir menyampaikan ucap terna dan turut meluangkan masa menjawab beberapa soalan daripada perwakilan berhubung suasana politik, isu-isu semasa, dan sejarah kecemerlangan beliau semasa menjadi Perdana Menteri. - Bernama